

BAB V

MALAYSIA DALAM TUGAS PENGAMAN DI KAMPUCHEA (1991 – 1993)

"...The institution and technique of United Nations peacekeeping is an indispensable and potentially highly effective weapon in the struggle for world peace..."

Javier Perez de Cuellar⁸³

Pengenalan.

Kampuchea mempunyai keluasan 181,040 km persegi yang sebelah Barat dan Utaranya bersempadan dengan Thailand sepanjang 800 km, di sebelah Timur Laut bersempadan dengan Laos sepanjang 541 km dan di sebelah Timur dan Tenggara bersempadan dengan Vietnam sepanjang 1,228 km. Ia mengalami cuaca monsun tropika. Kampuchea merupakan sebuah kerajaan yang agung di rantau Asia pada tahun 350 Sebelum Mesihi. Kerajaan tersebut dikenali dengan nama Kerajaan Funan dan silih berganti pemerintahan dan kerajaannya sehinggalah kedatangan penjajah di negara tersebut. Penduduknya berbangsa Khmer. Pada akhir abad kelapan, kerajaan tersebut telah ditukar nama kepada Kambuja (Kampuchea) sehingga ke saat ini. Peperangan dengan Thailand dan Burma sering berlaku sehinggalah mereka mendapat pertolongan dari penjajah Sepanyol pada abad ke-16. Pada tahun 1599, rakyat Khmer telah

⁸³ . J.P. de Cuellar, The Blue Helmet: A Review of United Nations Peacekeeping, Edisi Kedua, New York, 1990.

memberontak dan menghalau penjajah Sepanyol dari negaranya sehinggalah penjajah Perancis mula bertapak di Kampuchea pada tahun 1863 yang restui oleh Raja Norodom.

Sejak dari itu Kampuchea telah menjadi sebahagian tanah jajahan koloni Perancis sehinggalah pada tahun 1950. Kerajaan Kolonial Perancis telah menghadapi tentangan dari rakyat tempatan dan pejuang kemerdekaan di Vietnam mengakibatkan politik di Vietnam menjadi tidak stabil. Pada tahun 1953, Kerajaan kolonial Perancis terpaksa memberi kemerdekaan kepada Kampuchea, atas desakan rakyat tempatan dan masyarakat antarabangsa.

Pemerintahan Kerajaan Norodom bermula pada tahun 1941 sehingga tahun 1960 dan seterusnya diserahkan kepada puteranya Norodom Sihanouk yang memerintah sehingga tahun 1968 dengan menubuhkan parti politik *Sangkum*. Semasa Perang di Vietnam, kebanyakan tentera Viet-Cong telah mengambil perlindungan di Kampuchea. Pada tahun 1969, Amerika Syarikat telah menjatuhkan bom dari udara dengan menggunakan pesawat B 52, di beberapa kawasan yang disyaki tempat persembunyian gerila Viet-Cong. Maka di sinilah mula terlibatnya Amerika Syarikat dengan Kampuchea.⁸⁴

Perang saudara telah berlaku pada tahun 1968 dan berlarutan sehingga 1970 apabila Kerajaan Sihanouk dijatuhkan oleh Jeneral Lon Nol dalam satu rampasan kuasa dengan menubuhkan kerajaan Republik Khmer. Jeneral Lon Nol kemudiannya telah ditentang oleh puak gerila yang dikenali *Khmer Rouge* sehinggalah *Khmer Rouge* berjaya

⁸⁴ . *op.cit*, 37. "The Blue Helmets", hlm-hlm. 449-481.

merampas kuasa pada tahun 1975 dan melantik semula Putera Sihanouk sebagai ketua negara. Pada tahun 1976, Putera Sihanouk telah meletak jawatan berikutan pergeseran politik dalaman dimana Khmer Rouge telah menubuhkan Kerajaan *Demokratik Kampuchea* dan melantik Khieu Samphan sebagai pengerusi sementara Pol Pot sebagai Perdana Menteri. Pada tahun 1976 sehingga 1979, Kampuchea mengalami kesengsaraan dan kemusnahan yang amat besar semasa pemerintahan regim Pol Pot yang mengakibatkan lebih kurang sejuta rakyatnya dibunuh. Regim Pol Pot dan Regim Khmer Rouge telah dijatuhkan oleh Barisan kebangsaan Bersatu Khmer ('Khmer National United Front') dengan dibantu oleh tentera Vietnam pada tahun 1978 dan mendirikan kerajaan baru yang dikenali Kerajaan Phnom Penh dan Heng Samrin telah dilantik sebagai Presiden.⁸⁵

Kerajaan tersebut kemudiannya telah ditentang oleh tiga puak yang berlainan terdiri dari *United National Front for an Independent, Neutral, Peaceful and Cooperation Kampuchea* (FUNCINPEC) yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk, *Khmer People's Liberation Front* (KPNLF) dan *Party of Democratic Kampuchea* (PDK) juga dikenali sebagai Khmer Rouge. Pada tahun 1982, ketiga-tiga puak tersebut telah bergabung dibawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk yang dikenali sebagai *National Government of Kampuchea* dan berjaya menduduki kerusi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sehinggalah Perjanjian Paris ditanda tangani pada 23 Oktober 1991. Pada masa tersebut Kerajaan Phnom Penh dan kumpulan *the People's Republic of Kampuchea* yang di bantu oleh Vietnam dan Soviet Union yang mempunyai kekuatan tentera seramai 50,000 orang telah menguasai diantara 80 sehingga 90 peratus kawasan di Kampuchea.

⁸⁵. Ibid.

Sementara *National Government of Kampuchea* yang di bantu oleh China, Amerika Syarikat dan Negara-Negara ASEAN yang mempunyai kekuatan tentera di antara 50,000 sehingga 60,000 beroperasi di sempadan Thailand dan di Barat Laut Kampuchea.⁸⁶

Usaha PBB untuk mendamaikan Kampuchea telah dilakukan sejak tahun 1979 lagi. Usaha ini tidak berjaya kerana ia tidak dipersetujui oleh puak-puak yang bertelagah, apatah lagi isu sikap dingin yang ditunjukkan oleh Ahli Tetap Majlis keselamatan PBB. Seinggalah pada tahun 1985/1988, barulah puak-puak yang bertelagah bersetuju untuk beerbincang di meja rundingan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Tiada pencapaian yang konkrit dicapai dalam perbincangan tersebut. Sementara itu pihak Vietnam telah mengundurkan tenteranya pada September 1989 dan kesempatan ini telah diambil oleh Hun Sen dan memerintah negara tersebut dengan berkerajaan yang dinamakan *Government of the State of Kampuchea (SOC)*.

Javier Perez de Cuellar yang merupakan Setiausaha Agung PBB pada masa itu tidak berputus asa dalam menyelesaikan masalah di Kampuchea. Beberapa pelan damai telah dibincangkan di Indonesia dan Tokyo pada tahun 1990. Walaupun puak-puak yang bertelagah di Kampuchea ingin berdamai, namun situasi yang dihadapi di Kampuchea amat rumit sekali. Seinggalah pada 30 September 1991, Setiausaha Agung PBB telah memohon Majlis Keselamatan meluluskan satu resolusi bagi membolehkan satu pasukan pengaman ditugaskan di Kampuchea bagi mengawal gencatan senjata yang dikenali *United Nations Advance Mission in Kampuchea (UNAMIC)*. Pada 16 Oktober 1991, UNAMIC telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan dibawah resolusi 717 (1991) dan

⁸⁶. Ibid.

pasukan tersebut mula beroperasi pada 9 November 1991. Di samping itu, Setiausaha Agung PBB telah diarahkan untuk membentangkan rancangan pelaksanaan *United Nations Transitional Authority in Kampuchea* (UNTAC) melalui resolusi Majlis Keselamatan 718 (1991) pada 31 Oktober 1991. Boutous Boutros Ghali yang mengambil alih jawatan Setiausaha Agung dari Perez de Cuellar pada 9 Januari 1992 telah mengarahkan Yasushi Akashi (Jepun) sebagai wakil tetapnya di Kampuchea dalam menguruskan UNTAC. Pada 14 Februari 1992, rancangan pelaksanaan UNTAC diluluskan oleh Majlis Keselamatan yang membolehkan pasukan-pasukan Pengaman PBB ditugaskan di kawasan medan sepenuhnya.⁸⁷

Persiapan Kontinjen.

Kejayaan yang diukir oleh pasukan Pengaman Malaysia di Namibia telah membuatkan masyarakat antarabangsa dan khasnya PBB menaruh keyakinan kepada kontinjen negara untuk meneruskan mandat tersebut di Kampuchea. Di bawah perjanjian mengenai penyelesaian Politik Komprehensif Pertikaian Kampuchea yang ditandatangani di Paris pada 23 Oktober 1991, oleh masyarakat antarabangsa yang ditaja oleh PBB, Majlis Kebangsaan Tertinggi Kampuchea (*Supreme National Council of Kampuchea*-SNC) diiktirafkan sebagai satu badan yang sah di sisi antarabangsa dalam menguruskan kuasa pentadbiran dan pemerintahan sepanjang tempoh peralihan kuasa pemerintahan yang baru. Setelah PBB diamanahkan untuk memastikan pelaksanaan perjanjian ini, maka tawaran ini telah diajukan kepada Kerajaan Malaysia untuk menyertai UNAMIC

⁸⁷. Laporan MALBAT I Kampuchea Bertarikh 29 Julai 1993 yang diperolehi dari Cawangan Operasi Tentera Darat KEMENTAH, Wisma Pertahanan Kuala Lumpur pada 2 Julai 2002.

bagi membantu keempat-empat puak di Kampuchea yang bertelagah mengekalkan senjata dan melatih puak yang bertelagah untuk menyampaikan maklumat tentang bahayanya periuk api kepada penduduk awam. Pada awalnya, seramai dua orang pegawai tentera dari Malaysia telah ditugaskan dalam misi ini mulai 13 November 1991 sehingga 15 Mac 1992. Disamping itu, Kerajaan Malaysia telah diarahkan untuk menyiapkan satu kontinjen pasukan pengaman dan menyertai *United Nations Transitional Authority in Kampuchea* (UNTAC). Ia mula beroperasi pada 28 Februari 1992.⁸⁸

Dari pengalaman yang telah diperolehi dalam penglibatan kontinjen pasukan pengaman di Congo dan Namibia, Markas Tentera Darat Malaysia telah melantik Kolonel Mohamad Arshad Mohamad Raji Bagi menyediakan satu pasukan mantap mengendalikan mandat ini. Kolonel Mohamad Arshad bersama 46 orang pegawai ATM telah berlepas dari Lapangan Terbang Subang, ke Battambang, Kampuchea dengan menggunakan dua buah pesawat TUDM C130 pada 15 Mac 1992, bagi meninjau kawasan tersebut serta membuat persiapan untuk menerima kontinjen MALBAT I Kampuchea. Masa yang diperolehi oleh Kolonel Mohamed Arshad telah digunakan untuk membuat tinjauan di Kampuchea bersama-sama stafnya dan mengadakan latihan ke atas tugas yang akan mereka laksanakan nanti. Keadaan menjadi bertambah baik apabila pada 30 Mei 1992, Kerajaan Vietnam mengesahkan bahawa mereka tidak akan terlibat dalam konflik di Kampuchea dan menarik balik tenteranya dari negara tersebut sebagaimana

⁸⁸. Temubual yang dilakukan dengan Brigadier Jeneral (Bersara) Mohammd Arshad bin Mohamad Raji Pada 15 Jul 2002 di rumah kediamannya pada jam 0300 petang. Brigadier Jeneral (Bersara) Mohamad Arshad Mohamad Raji merupakan Ketua Kontinjen MALBAT I Kampuchea yang berpangkat Kolonel pada masa tersebut.

perjanjian yang dipersetujui pada 26 September 1989. Penugasan yang akan dilakukan oleh pasukan pengaman Malaysia pada kali ini bukanlah mudah. Ini kerana rakyatnya telah sebatu dengan peperangan dan keganasan. Perbukitan api yang ditanam dan berjumlah berjuta-juta menunggu mereka di Kampuchea. Namun penugasan kali ini tidak menghadapi masalah dari segi iklim, cuaca dan bentuk muka bumi. Namun keadaan persekitarannya amat merbahaya dari segi kesihatan dan ancaman puak-puak yang bertelagah.⁸⁹

Pada 9 Mei 1992, UNTAC telah mengisytiharkan gencatan senjata peringkat pertama kepada puak-puak yang bertelagah di Kampuchea diikuti dengan gencatan senjata peringkat kedua pada 13 Jun 1992. Dalam pengisytiharan ini, ia juga membenarkan *freedom of movement* bagi anggota UNTAC dalam melaksanakan tugas mereka di kawasan-kawasan yang menjadi pertelagahan oleh empat puak tersebut. Segala senjata dan peralatan perang yang digunakan oleh puak bertelagah, telah diarahkan oleh PBB untuk diserahkan kepada anggota UNTAC di tempat-tempat yang telah ditetapkan.⁹⁰

Dalam menyiapkan kontinjen Pasukan Pengaman dari Malaysia, Rejimen Renjer Diraja, telah diberi penghargaan melaksanakan mandat pasukan pengaman pada kali ini. Ini merupakan penugasan pertama Rejimen Renjer Diraja Malaysia kerana sebelum ini, tugas-tugas pengaman telah diberi kepada Rejimen Askar Melayu Diraja. Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja yang berpangkalan di Kem Teberau Johor Bahru telah

⁸⁹ . op.cit, 87. Laporan MALBATI Kampuchea.

⁹⁰ . Ibid.

diberi tanggungjawab. Latihan ketenteraman awam, pengawalan pos, sekatan jalanraya, pembersihan periuk api, perubatan di medan, perhubungan, pengendalian senjata dan berbagai-bagai latihan lagi telah dijalankan oleh anggota batalion ini di beberapa tempat latihan di Semenanjung Malaysia. Beberapa elemen bantuan tempur dan logistik juga telah dipohon oleh Kolonel Mohamed Arshad bagi membantu melicinkan pelaksanaan tugas mereka di Kampuchea, seperti elemen dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Rejmen Semboyan Diraja, Rejimen Jurutera Diraja, Kor Perkhidmatan, Kor Polis Tentera, Kor Ordnans Diraja, Kor Agama dan Kor Risik Diraja telah dipanggil melaksanakan latihan penyesuaian dalam menghadapi misi ini.⁹¹

Perlaksanaan Tugas.

Suasana di Kampuchea telah menjadi lebih teratur dengan kehadiran UNAMIC. Apabila UNTAC mula beroperasi pada 15 Mac 1992, maka UNAMIC pula telah diserap ke dalam UNTAC. Pada 6 Mac 1992, Malaysia telah mula menghantar sebuah kontinjen tentera terdiri daripada Batalion Malaysia (MALBATT), staf Markas UNTAC, pemerhati tentera, detasmen Polis Tentera (MP) serta beberapa anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dikenali MALBAT I (Kampuchea) yang terdiri dari 850 anggota. Mereka telah ditugaskan mulai 16 Mac 1992 sehingga 4 Julai 1993 di bawah pemerintahan Kolonel Mohamad Arshad Mohamad Raji sebagai ketua kontinjen. Batalion pasukan infantri pertama yang ditugaskan di Kampuchea iaitu Rejimen Pertama Renjer Diraja (RRD) di bawah pemerintah Leftenan Kolonel Goh Ah Bah. Selain

⁹¹. op.cit, 88. Brigadier Jenderal (Bersara) Mohammad Arshad Mohammad Raji.

pengurusan tentera, mandat UNTAC yang diberi kepada pasukan Pengaman Malaysia termasuk aspek-aspek berikut:⁹²

1. Mengawasi hak asasi manusia.
2. Mengatur dan menjalankan pilihanraya umum yang bebas dan saksama.
3. Membantu penubuhan organisasi pentadbir awam.
4. Pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman awam.
5. Penghantaran balik dan penempatan semula pelarian dan mangsa perang yang kehilangan tempat tinggal.
6. Pemulihan infrastruktur Kampuchea yang penting dalam tempoh peralihan.

Selain dari mandat yang dipertanggungjawabkan kepada Pasukan Pengaman Malaysia oleh PBB, berikut adalah juga mandat tambahan yang telah diberi kepada mereka dalam melaksanakan tugas tersebut:⁹³

1. Menempatkan anggota kontinjen dilokasi-lokasi yang telah dipersetujui dengan bilangan anggota yang minima.
2. Menyediakan pasukan simpanan bergerak.

⁹² . Ibid.

⁹³ . op.cit, 87. Laporan MALBAT I Kampuchea.

3. Menyediakan bantuan keselamatan kepada anggota dan hartabenda PBB.
4. Membantu operasi pembersihan periuk api.
5. Meneruskan bantuan logistik kepada kumpulan-kumpulan PBB yang berada di kawasan masing-masing.
6. Meneruskan usaha untuk mengumpul senjata-senjata/peralatan perang dari puak -puak yang bertelagah.
7. Mengawasi dan memberi perlindungan tempat-tempat penting di kawasan tanggungjawab.
8. Mengawasi dan memberi perlindungan kepada penduduk-penduduk yang kehilangan tempat tinggal.

Masa yang diperuntukkan untuk pasukan Pengaman PBB telah dipanjangkan. Angkatan Tentera Malaysia telah menggantikan MALBAT I dengan MALBAT II (5 Julai 1993 sehingga 4 November 1993) di bawah pemerintahan Kolonel Zamri Ismail dengan satu kumpulan batalion dari Batalion Ke-11 RAMD yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Anuar. Sementara Markas UNTAC Malaysia pada kali ini pula telah menempatkan seramai tujuh orang pegawai tentera dan tiga anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang diketuai oleh Kolonel Mohd Aris Salim sementara Leftenan Kolonel Soo Ah Chai pula mengetuai satu pasukan seramai 29 orang pegawai sebagai pasukan pemerhati tentera. Kapten Adam Marsidi mengetuai satu detasmen seramai 20 orang sebagai Polis Tentera. Di samping itu sekumpulan 25 orang pegawai dan 52 anggota lain-lain pangkat Tentera

Udara Diraja Malaysia (TUDM), yang diketuai oleh Mejar Quek Swee Chai telah juga ditugaskan mulai Januari 1993 bagi bantuan operasi udara di penugasan tersebut. Kumpulan ini yang ditempatkan di Phnom Penh, adalah terdiri daripada pegawai Trafik Udara, Pemadam Kebakaran dan anggota Operasi Pangkalan.⁹⁴

Dalam tempoh pilihanraya dari 23 Mei 1993 hingga 27 Mei 1993, lapan buah helikopter TUDM telah ditugaskan untuk membantu melaksanakan pilihanraya umum pertama Kampuchea di bawah pengelolaan UNTAC. Helikopter ini telah digunakan untuk membawa peti undi dan pegawai-pegawai pilihanraya di pusat-pusat mengundi di seluruh Kampuchea. Penugasan pasukan-pasukan Malaysia di Kampuchea merupakan satu usaha menyeluruh dan mampan oleh Malaysia dalam meneruskan dasar luar terutamanya bagi kepentingan negara-negara jiran. Usaha yang komited dan profesional ini, terbukti telah membantu PBB dalam mengembalikan keamanan di rantau tersebut sehingga ke hari ini. Mereka telah ditugaskan di Ph Bavel, Log Camp, Aik Phnom Dist, Markas Tentera Wilayah Ke-5, Kamping Poy, O Pong Muan, Ph Sampov, Ph Treng, Ph Sdau, Pursativille, Ph Thippadei, Koay Chek Dec dan Ph Leach.

Walaupun kawasan penugasan di Kampuchea merupakan kawasan yang hampir sama dari segi keadaan alam sekitarnya di Malaysia, namun risiko yang dihadapi oleh kontinjen Pasukan Pengaman Malaysia berlainan dengan risiko yang dihadapi dalam misi-misi sebelum ini. Pengalaman pahit yang dihadapi oleh rakyat Kampuchea dalam

⁹⁴ . Laporan MALBAT II Kampuchea, bertarikh 21 Disember 1993 yang diperolehi dari Cawangan Operasi Tentera Darat KEMENTAH, Wisma Pertahanan Kuala Lumpur pada 2 Julai 2002.


peperangan saudara yang berlarutan beberapa tahun telah mengorbankan berjuta-juta nyawa sama ada akibat pembunuhan kejam, tembakan mahu pun dari ancaman periuk api yang sukar dikesani. Selain menghadapi risiko empat puak yang bertelagah, risiko yang paling besar dan amat merbahaya adalah ancaman dari berjuta-juta periuk api yang telah ditanam tanpa panduan dan pengenalan.⁹⁵ Keadaan ini dapat di atasi selaras dengan mandat dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh PBB oleh semua warga MALBAT di Kampuchea. Dari dua pengalaman yang telah dikecapi sama ada di misi pengaman di Congo atau Namibia, kontinjen Pasukan Pengaman Malaysia telah menunjukkan prestasi yang begitu cemerlang sehinggakan dapat membantu negara tersebut mengembalikan keamanan di negara tersebut dan rantau ini sehingga ke saat ini.

Walaupun pada dasarnya puak-puak yang bertelagah telah menerima dan menandatangani persetujuan pelan damai, namun terdapat salah faham dan perasaan curiga di kalangan puak-puak yang bertelagah.⁹⁶ Pada 13 Oktober 1992, Majlis Keselamatan telah mengeluarkan resolusi 783 (1992) bahawa proses pilihanraya semestinya dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan mengarahkan puak PDK mematuhi arahan tersebut. Begitu juga dengan puak FUNCINPEC yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk yang enggan bekerjasama dengan UNTAC dan SOC pada awalnya, namun masalah tersebut telah dapat diatasi oleh UNTAC dengan baik dan bijaksana. Proses pilihanraya di Kampuchea telah berjaya dilaksanakan pada April sehingga Mei 1993 dan akhirnya mereka telah berjaya mendirikan sebuah Kerajaan yang

⁹⁵ Ibid.

⁹⁶ op.cit, 88. Brigadier Jeneral (Bersara) Mohammad Arshad Mohammad Raji.

PETA 3. OPERASI PENGAMAN DI CAMBODIA



Sumber: Peta No. 3952.28 Departemen Perhubungan Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Dalam Buku The Blue Helmets.

berdaulat sehingga ke hari ini. Pada 24 September 1993, mandat pasukan pengaman PBB di Kampuchea telah ditamatkan dimana mereka telah berjaya membantu mengembalikan semula takhta Putera Norodom Sihanouk sebagai raja yang berdaulat di Kampuchea, serta melantik Putera Norodom Ranariddh ketua FUNCINPEC sebagai Perdana Menteri Pertama dan Hun Sen Ketua CPP sebagai Perdana Menteri Kedua. Ketiga-tiga misi yang berjaya dijalankan itu, telah terbukti akan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan konflik global. Ini telah memberi keyakinan kepada pegawai-pegawai di PBB tentang kewibawaan kontinjen Pengaman Malaysia. Puak-puak yang bertelagah telah dengan rela hati menyerahkan senjata mereka tanpa sebarang bencana yang menimpa kepada anggota pasukan Pengaman Malaysia sejak mula mereka ditugaskan sehingga tamat misi walaupun pada awalnya terdapat ancaman dari puak PDK, FUNCINPEC dan NADK. Walaubagaimana pun dalam penugasan pengaman PBB di Kampuchea terdapat insiden yang mengakibatkan kematian disebabkan serangan dari puak-puak yang bertelagah ke atas kontinjen dari Bulgaria, Jepun dan China.

Masalah Dihadapi.

Kampuchea yang pada satu masa dahulu amat terkenal dengan kegagahan empayarnya di rantau ini telah runtuh dengan kekejaman puak-puak yang bertelagah yang hampir memususkan ketamadunan yang di bina oleh generasi mereka yang terdahulu. Kehadiran UNAMIC dan UNTAC telah dapat meredakan pertelagahan kaum, khasnya dengan penglibatan pasukan Pengaman Malaysia. Namun demikian, sebelum pihak PBB

memasuki negara tersebut, puak-puak bertelagah telah mengambil kesempatan untuk meluaskan kawasan penguasaan mereka.⁹⁷

Ancaman awal yang diterima oleh pasukan Pengaman Malaysia adalah ancaman dari puak yang bertelagah. Walaupun pada dasarnya pihak atasan telah bersetuju melakukan gencatan senjata dan memberi *Freedom of Movement* kepada pasukan pengaman dalam melaksanakan tugas mereka, namun pihak bawahan yang telah menerima kepahitan akibat peperangan ini enggan bekerjasama dalam membantu proses damai ini, terutamanya dari puak Khmer Rouge.⁹⁸ Puak Khmer Rouge telah mempunyai pandangan yang berbeza mengenai Perjanjian Paris. Ia beranggapan mereka akan rugi apabila pilihanraya diadakan dan mereka mengugut tidak akan bekerjasama dengan UNTAC. Oleh itu UNTAC sering sahaja menerima ancaman dengan tembakan mortar dan penembak curi yang cuba mengganggu kelicinan pelaksanaan tugas pengaman pada awal penugasan mereka.⁹⁹ Kadangkala mereka ditahan oleh puak-puak yang bertelagah. Pasukan pengaman Malaysia tidak dibenarkan melaksanakan tugas di kawasan mereka. Walaubagaimana pun, oleh kerana Khmer Rouge menguasai kawasan yang terhad, ia membolehkan UNTAC melaksanakan pilihanraya dengan berkesan dan dengan jayanya. Senjata yang mereka sepatut serahkan kepada pasukan pengaman tidak dilakukan dengan sepenuhnya dengan alasan takut puak yang bertelagah lain akan mengambil kesempatan menghentam mereka apabila puak mereka tidak bersenjata lagi.

⁹⁷. Cambodia Peacekeeping, "World Notes Cambodia". Internet. <http://www.mywiseowl.com/Index.php? Title: Cambodia & action: creative commons. TIME.com. 13 Apr 1992, hlm.1>.

⁹⁸. *op. cit.*, 94. Laporan MALBAT II Kampuchea.

⁹⁹. Cambodia Peacekeeping, "The United States and Peacekeeping: Can It Work", Internet. <http://www.globalsecurity.org/military/library/report/1995/LJD.htm>, 1995, hlm.22.

Di anggarkan sejumlah 25-50 % sahaja puak yang bertelagah menyerahkan senjatanya. Laporan ICRC ada mengatakan bahawa pada Disember 1991, lebih 320,000 pucuk senjata dan 80 juta butir peluru dimiliki oleh puak-puak yang bertelagah dan 30 % kemalangan jiwa rakyatnya akibat dari senjata.¹⁰⁰ Ini merupakan satu ancaman dan masalah yang besar kepada pasukan-pasukan pengaman yang melaksanakan tugas pengaman di kawasan ini.

Walaupun pihak antarabangsa dan puak yang bertelagah telah menandatangani perjanjian perdamaian pada tahun 1981 mengenai *Convention on Prohibitions or Restrictions on Use of Certain Conventional Weapons*, iaitu penggunaan senjata yang mengakibatkan kemalangan/kecederaan jiwa yang besar seperti periuk api dan jerangkap samar, namun dalam kes di Kampuchea, perkara ini tidak dihiraukan. Malah berjuta-juta periuk api/jerangkap samar telah dipasang di merata-rata tempat tanpa didaftar sehingga sukar dikenal pasti jumlah dan lokasi-lokasi tersebut. Dianggarkan sekurang-kurangnya 14,500 orang yang telah mati dan 24,410 orang yang telah tercedera akibat periukapi semasa konflik tersebut berlaku di Kampuchea.¹⁰¹ Periukapi yang ditanam di Kampuchea bukan sahaja untuk memusnahkan musuh di kalangan puak yang bertelagah, malah digunakan untuk perlindungan kepada tanaman, harta benda dan punca mencari rezeki seperti perangkap kepada harimau untuk dimakan atau dijual.¹⁰² Ini merupakan

¹⁰⁰. D.R Meddings & M. O.Connor, "Circumstances Around Weapon Injury in Kampuchea After Departure of a Peacekeeping Force: Prospective Cohort Study", *ICRC, Geneva, Switzerland, 1999*, hlm.2.

¹⁰¹. Cambodia Peacekeeping, "Landmine Monitor-Cambodia Country Report", *Internet*, http://www.com.kh/cgi-bin/lideekhmer/landmine_monitor.cfm, February 1999, hlm.20.

¹⁰². Ibid.

satu ancaman yang amat besar oleh kontinjen pengaman Malaysia untuk menyelamatkan kawasan-kawasan yang telah ditanam periukapi/jerangkapsamar. Maklumat yang diperolehi dari puak-puak bertelagah tidak tepat dan jelas. Bertambah rumit lagi, pekerjaan untuk menyelamatkan perkara tersebut dilaksanakan secara *manual* tanpa menggunakan mesin dan jentera khas sebagaimana digunakan oleh negara-negara lebih maju. Ia sudah tentu mengambil masa yang begitu lama dan risiko yang amat tinggi.¹⁰³

Disebabkan negara tersebut dilanda kemelut konflik yang begitu lama, maka pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, sistem pengairan dan perparitan serta kemudahan asas seperti bangunan kediaman dan tempat tinggal telah tidak terurus dengan sempurna. Masalah kesihatan merupakan ancaman yang tidak dapat dielakkan oleh kontinjen Pengaman Malaysia. Terdapat kontinjen Pengaman yang tidur di atas katil lipat dan berbumbungkan khemah sejak dari penugasan mereka sehingga tamat misi. Air minuman yang diperolehi memang tidak sesuai untuk diminum, ini memaksakan pasukan Pengaman Malaysia dan Pasukan Pengaman PBB yang lain diarahkan untuk lebih berhati-hati mengambil langkah keselamatan apabila meminum air di semua kawasan misi tersebut. Oleh kerana alam persekitaran yang tidak sihat dan bersih akibat tiada sistem pentadbiran awam yang berkesan, ia merupakan ancaman yang amat serius kepada pasukan Pengaman Malaysia dalam hal kesihatan. Penyakit cirit birit merupakan fenomena yang biasa bagi anggota pasukan Pengaman Malaysia semasa bertugas di Kampuchea. Terdapat seorang orang anggota Pengaman Malaysia telah meninggal dunia

¹⁰³ . op. cit., 94. Laporan MALBAT II Kampuchea.

dalam misi ini akibat di jangkiti penyakit demam malaria yang berisiko tinggi.¹⁰⁴

Penyakit kelamin juga merupakan ancaman kepada pasukan-pasukan pengaman.

Mengikut Angela Mackay:¹⁰⁵

...According to the Kampuchean Women's Development Association, the number of prostitutes rose from 6,000 in 1992 to a high of 25,000 during the UNTAC mission (1992-1993). There was also a rise in child prostitute, as growing infection rates of HIV and other sexually transmitted diseases among Kampuchean prostitutes increased the demand for "clean young girls". Some even claim that the United Nations mission was itself responsible for the rapid spread, and possibly even the introduction, of HIV in Kampuchea...

Sebagai anggota tentera yang berjauhan dari keluarga, ia merupakan satu ancaman kepada kontinjen Pasukan Pengaman Malaysia. Namun ia dapat diatasi dengan baiknya oleh semua warga kontinjen Malaysia. Kebanyakan puak yang bertelagah ini dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan etnik yang terdapat di Kampuchea. Apabila kepentingan kumpulan etnik ini terancam dan tiada satu badan pun dapat menjamin kepada pembahagian sama rata, adil dan saksama, maka sudah semestinya pergolakan dan pertelagahan kaum ini berpanjangan. Keadaan menjadi lebih parah lagi apabila terdapat bantuan dan sokongan dari negara-negara luar dalam pertelagahan/konflik di Kampuchea ini. Bekalan senjata, peralatan tempur dan logistik diperolehi untuk mereka meneruskan perjuangan dan agenda masing-masing. Mungkin disebabkan telah banyak nyawa yang terkorban dan mereka telah jemu untuk terus hidup dalam keadaan yang terus bergolak. Ini membolehkan PBB berjaya membawa mereka ke meja rundingan dan

¹⁰⁴ . *op.cit.* 96. Brigadier Jeneral (Bersara) Mohammad Arshad Mohammad Raji.

¹⁰⁵ . M.Angela, "Sex and the Peacekeeping Soldier: The New UN Resolution", *Peace News*, London, 2004, hlm. 2.

memujuk untuk mereka berdamai semula. Jika tidak, mungkin pergolakan ini akan terus berpanjangan tanpa nokhtah. Sebagaimana yang dikatakan Angela Mackay "...Peace means safety from harm whatever the source. The security it brings should be for everyone, not just for some. Peace that is not inclusive does not deserve the name...".¹⁰⁶

Walaupun pada dasarnya PBB telah berjaya dalam mengembalikan keamanan di negara ini, namun PBB telah gagal menentukan hubungan di antara pihak tentera dan pihak awam yang mengendalikan pilihanraya diwujudkan di peringkat awal. Ini telah mengganggu proses pelaksanaan tugas di kedua-dua pihak sehinggalah bekas Ketua Pasukan Pengaman UNTAC, Sanderson menyarankan agar diwujudkan *corporate, strategic and sentient alliance between the military and the civilian components* yang membolehkan mereka bekerjasama dari awal sehingga akhir tugas.¹⁰⁷ Gareth Evans bekas Menteri Luar Australia, juga mengakui bahawa UNTAC telah gagal dalam mengawal serta menguruskan urusan pentadbiran awam. Salah satu sebab telah menjayakan tugas pengaman di Kampuchea ini adalah kerana pihak yang bertelagah telah ditekan oleh kuasa-kuasa besar yang berpengaruh dan membantu kemelut di Kampuchea sebelum ini supaya memberhentikan pertelagahan mereka. Buat pada masa yang sama pihak yang bertelagah dan rakyatnya juga telah jemu dalam menjalani hidup yang kucar kacir akibat pergolakan tersebut. Gareth Evans juga menyarankan agar masyarakat antarabangsa mengambil iktibar dalam melaksanakan tugas pengaman di Kampuchea untuk melaksanakan tugas-tugas pengaman di masa-masa akan datang.¹⁰⁸

¹⁰⁶ . Ibid.

¹⁰⁷ . *op, cit* , 76. T.D. Brat.

¹⁰⁸ . G.Evans, "Peacekeeping in Cambodia: Lessons Learned", *NATO Review*, Web Edition, Brussel, Belgium, No.4-Aug, Vol.42, 1994, hlm-hlm 24-27.

Kejayaan.

Kejayaan yang dicapai oleh misi pengaman di Kampuchea, pada keseluruhannya bolehlah dikatakan merupakan salah satu misi yang amat berjaya bagi mengembalikan keamanan dan mendirikan semula sebuah kerajaan yang berdaulat di rantau itu. Kerajaan Kampuchea dapat dibangunkan semula seiring dengan pencapaian negara-negara di ASEAN ketika ini dan ia telah diterima sebagai anggota negara ASEAN pada 30 April 1999. Kontinjen MALBAT Kampuchea, dapat meredakan ketegangan dan pertelingkahan kaum. Sebelum itu masing-masing enggan bertolak ansur dan bertindak tidak berperi kemanusiaan. Setelah puak-puak yang bertelagah dapat ditenangkan semula, maka kontinjen ini telah berupaya membersihkan jerangkapsamar dan periukapi yang telah ditanam di kawasan bertelagah. Mengikut rekod laporan operasi pengaman di Kampuchea, unit jurutera MALBAT telah dapat membersihkan kawasan seluas 35,000 meter persegi dan sebanyak 10,042 jerangkapsamar/periukapi di kawasan tersebut.¹⁰⁹ Jumlah yang telah diselamatkan oleh UNTAC dan pasukan pemusnah periukapi antarabangsa pada masa tersebut adalah seluas 2,110,000 meter persegi dengan jumlah 82,098 periukapi.¹¹⁰

MALBAT juga dapat melatih pihak polis tempatan dalam mengawal keadaan dan keamanan sementara, sebelum sebuah kerajaan berdaulat didirikan. Pihak Polis Tentera

¹⁰⁹ . Laporan Operasi MALBAT Kampuchea bertarikh 20 Disember 1993 yang diperolehi dari Unit Jurutera, Jabatanarah Jurutera Tentera Darat, Wisma Pertahanan Kuala Lumpur pada 2 Julai 2002.

¹¹⁰ . op.cit., 101. Cambodia Peacekeeping.

dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dipertanggungjawabkan dalam tugas ini. Apabila orang tempatan telah dilatih untuk mengawal ketenteraman penduduk tempatan, ia menjadi semakin mudah untuk pihak kontinjen MALBAT melaksanakan tugas seterusnya. Dalam mengendalikan pilihanraya, pihak pasukan MALBAT dan pasukan Pengaman PBB yang lain telah berjaya mengawal keselamatan penduduk tempatan pada masa mereka mengundi dan mengawal peti-peti undi serta mengawal tempat membuang undi dalam keadaan selamat.

Dalam penugasan pasukan pengaman, Malaysia telah melibatkan pesawat udara NURI dalam membantu usaha pasukan pengaman di Kampuchea. Ini merupakan penugasan yang pertama dari pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dalam penugasan pasukan pengaman. Di atas penglibatan TUDM ini, ia telah memudahkan pergerakan dan penghantaran logistik di kawasan-kawasan yang terpencil di negara tersebut. Tiada anggota mereka yang terbunuh dan tercedera dalam penugasan di Kampuchea ini. Walaupun pada lahirnya keadaan di negara tersebut amat tidak selamat dari ancaman puak yang bertelagah, atau ancaman dari periukapi/jerangkapsamar. Begitu juga ancaman dari penyakit berjangkit seperti cirit birit dan HIV telah dapat dibendung dengan baik sekali oleh pemerintah-pemerintah MALBAT Kampuchea sepanjang penugasan mereka di sana walaupun pada hakikatnya ia telah melibatkan banyak anggota dari kontinjen-kontinjen pasukan pengaman dari negara lain.

Kesimpulan.

Pergolakan yang berlaku di Kampuchea merupakan satu pengajaran yang amat bernilai kepada masyarakat dunia. Pertelagahan kaum ini berpunca akibat dari perbezaan politik yang begitu ekstrim di kalangan penduduk tempatan. Ia menjadi lebih parah pula apabila pihak istana terlibat secara langsung dalam kancah politik. Apabila institusi beraja ini tidak dihormati oleh rakyat, maka tiada lagi tonggak bagi rakyatnya untuk bersatu dan mengadu harap. Sebilangan besar rakyatnya masih lagi memerlukan institusi beraja ini, contohnya selepas pilihanraya dan pertelagahan kaum diredakan, Putera Norodom Sihanouk masih lagi dinobatkan sebagai raja di Kampuchea. Walaupun pada dasarnya PBB telah berjaya mengembalikan keamanan di bumi Kampuchea, namun pada hakikatnya PBB telah gagal memberhentikan pembunuhan rakyat negara tersebut dengan seberapa segera. Contohnya Perjanjian Paris telah ditandatangani pada Oktober 1991, namun UNTAC tiba selepas lapan bulan perjanjian tersebut ditandatangani.

Konflik yang berlarutan dan mengorbankan nyawa yang banyak itu disebabkan tiada usaha kuasa besar yang bersedia untuk membawa ke arah perdamaian dengan seberapa segera. Dari segi strategiknya pula, Amerika Syarikat mungkin memandang Kampuchea bukan lagi matlamatnya untuk melebarkan pengaruhnya kerana Soviet Union telah berundur dari Vietnam. Begitu juga, apabila Teori Domino yang diwawarkan terhadap kejatuhan Vietnam ditangan Viet-Cong tidak berlaku di Asia Tenggara. Kemarahan Amerika Syarikat terhadap Kampuchea dapat diandaikan apabila Kampuchea

memberi perlindungan kepada Viet-Cong semasa perang di Vietnam. Ini mungkin merupakan salah satu sebab mengapa Amerika Syarikat enggan mengajak dunia bagi mengembalikan keamanan segera di bumi Kampuchea.

Sebagaimana yang dinyatakan di bab di atas, bahawa peperangan saudara merupakan konflik yang sukar untuk didamaikan. Ternyata konflik di Kampuchea merupakan salah satu contoh yang nyata bagi pasukan pengaman PBB dan masyarakat dunia untuk meredakan konflik tersebut. Kumpulan politik dan puak yang bertelagah yang terdiri dari pelbagai kaum dan suku masyarakat membuatkan mereka, saling curiga mencurigai di antara satu sama yang lain. Campur tangan dari China, Soviet Union, Vietnam dan Amerika Syarikat dalam memberi bantuan moral dan kelengkapan perang membolehkan puak yang bertelagah ini, terus berjuang dalam masa yang begitu panjang. Jika tanpa bantuan dan sokongan kuasa-kuasa besar tersebut, maka kemalangan jiwa dan kemusnahan di Kampuchea mungkin dapat di kurangkan dan ditamatkan dengan seberapa segera.

Penglibatan pasukan Pengaman Malaysia di Kampuchea merupakan satu aset yang besar dalam hubungan antarabangsa dan pembangunan ekonomi negara. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan urusan perdagangan dari setahun kesetahun antara Malaysia dengan Kampuchea yang dinyatakan di bab yang ke lapan nanti, selepas Kampuchea didamaikan. Malaysia bukan sahaja di pandang sebagai *role model* oleh Kampuchea, malah pemimpin-pemimpin Malaysia sangat disanjung oleh pemimpin Kampuchea dan rakyatnya. Jika terdapat sebarang permasalahan dalam negeri setelah Kampuchea dan rakyatnya. Jika terdapat sebarang permasalahan dalam negeri setelah

mereka didamaikan, nasihat dan pandangan dari para pemimpin Malaysia akan diterima oleh pemimpin-pemimpin politik di Kampuchea. Kejayaan yang dicipta oleh Pasukan Pengaman Tentera Malaysia bukan sahaja telah dapat menambahkan pengalamannya dalam penugasan pasukan pengaman, malahan juga telah dapat membantu mengharumkan nama Malaysia di arena antarabangsa. Penghargaan dan penilaian masyarakat antarabangsa dan PBB terhadap prestasi Pasukan Pengaman Malaysia dapat dilihat dengan permintaan penugasan seterusnya pasukan Pengaman Malaysia ke Somalia.